

i-Wudhu bantu pesakit ambil wuduk

Mesin mudah alih dapat kesan pergerakan, keluarkan semburan air

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Nerus: Kesukaran pesakit mengambil wuduk bakal diatasi melalui pengenalan i-Wudhu, yang akan dikomersialkan pihak Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama sebuah syarikat.

i-Wudhu adalah mesin mengambil wuduk mudah alih bagi kegunaan pesakit, terutama yang mengalami kesukaran untuk bergerak.

Naib Canselor UniSZA, Prof Dato Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan berkata, produk i-Wudhu adalah cetusan idea Pengarah Jabatan Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), Datuk Che Mohd Rahim Jusoh dan mesin itu direka Prof Dr Tengku Mohammad Ariff

Raja Hussin bersama kumpulannya.

"Pengimbas pada mesin i-Wudhu itu dapat mengesan pergerakan pesakit dan mengeluarkan semburan air bagi memudahkan pesakit menyempurnakan wuduk tanpa memerlukan pembantu."

"Kami sudah menerima beberapa anugerah untuk produk ini, antaranya 'The Best Award' dan Pingat Emas di Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2018 serta Pingat

Pengimbas pada mesin i-Wudhu itu dapat mengesan pergerakan pesakit dan mengeluarkan semburan air bagi memudahkan pesakit menyempurnakan wuduk tanpa perlukan pembantu.

Hassan Basri Awang Mat Dahan,
Naib Canselor UniSZA

Emas di Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2018," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani Perjanjian Pelesenan (TLA) dan Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Duta Edge Sdn Bhd (Duta Edge) bagi tujuan pembuatan dan pengkomersialan produk i-Wudhu di sini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Duta Edge, Tengku Ahmad Zulkifli Tengku Sulaiman dan Dr Tengku Mohammad Ariff yang juga Pensyarah Fakulti Perubatan UniSZA.

Hassan Basri berkata, perbincangan bersama pihak Duta Edge diadakan sejak tahun lalu dan syarikat itu menunjukkan minat serius untuk mengkomersialkan produk i-Wudhu kerana yakin dengan potensi produk berkenaan.

"Syarikat Duta Edge akan mengkomersialkan produk i-Wudhu melalui kaedah teknologi 'know-how' yang dilesenkan dan diberi milikan secara pelesenan selama tiga tahun."

"Syarikat ini juga akan membayar RM10,000 bagi tujuan bayaran pelesenan untuk tempoh tiga tahun," katanya.



i-Wudhu ciptaan UniSZA untuk kemudahan pesakit mengambil wuduk

[Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/BH]